

31/01/2002

Melayu mesti kuasai ICT untuk jadi umat termaju

UMAT Islam, terutama Melayu disaran mendalami ilmu teknologi komunikasi maklumat (ICT) sebagai landasan untuk muncul umat terbaik dunia.

Pengarah Urusan Think Plus Consulting Sdn Bhd, Dr Norsaidatul Akmar Mazelan, berkata, ia berikutan kepentingan ilmu berkenaan untuk menunaikan fungsi umat Islam dalam masyarakat di zaman revolusi maklumat.

"Bagi menjayakan usaha itu, agensi berkaitan perlu memasukkan program pengenalan komputer dan teknologi sebagai agenda penting dalam usaha mendorong ke arah pembangunan dan kemajuan umat Islam negara ini.

"Selain itu, kerajaan melalui Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) memberi penekanan kepada penyediaan masyarakat untuk membuat perubahan sewajarnya dalam k-ekonomi menggunakan teknologi telekomunikasi komputer secara meluas," katanya ketika membentangkan kertas kerja pada Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam, di sini semalam.

Sementara itu, perbincangan mengenai status Malaysia sebagai negara Islam atau tidak adalah suatu bentuk pembudayaan politik.

Ketua Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik Universiti Malaya, Prof Mohamad Abu Bakar, berkata bagi Umno, usaha sejak merdeka berhubung pembangunan Islam membolehkan Malaysia dilabel sebagai negara Islam.

"Bagi Pas pula, perjuangan semenjak penubuhannya adadalah untuk menegakkan negara Islam dan berpendapat segala langkah kerajaan selama ini belum mencukupi dan memenuhi tuntutan," katanya.

Beliau berkata, usaha membentuk sebuah negara Islam adalah sebagai suatu sentakan terhadap pemikiran politik, terutama kepada mereka yang selama ini terbelenggu oleh larangan atau `taboo' untuk menerima konsep itu.

Katanya, persekitaran politik antarabangsa yang dipengaruhi kejadian serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia dan Pentagon pada 11 September lalu dan propaganda anti Taliban dijangka mengeruhkan lagi keadaan.

"Tetapi dari sudut lain, pernyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengundang penyertaan pihak terbabit untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai negara Islam.

"Semua pihak berhadapan dengan kenyataan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Islam adalah anjakan paradigma yang memberikan kesan psikologi terhadap kehidupan bernegara," katanya.

(END)